



# UMCares

PUSAT JALINAN MASYARAKAT UNIVERSITI MALAYA  
BULETIN • BIL 2/2022



# UTUSAN PENGARAH

PROF. MADYA DR.  
AMER SIDDIQ AMER NORDIN

Pada tahun 2022, banyak aktiviti kemasyarakatan yang telah dijalankan. Aktiviti-aktiviti ini telah mendapat kerjasama daripada industri-industri dalam pemantapan aktiviti kemasyarakatan Universiti Malaya, antara industri yang libat adalah ASTRO, MR. D.I.Y, Pfizer Malaysia dan Meta Malaysia.

Melalui program dan jalinan kerjasama ini, UMCares dilihat sebagai organisasi yang penting dalam menghubungkan antara pakar dari Unviersiti Malaya bersama komuniti dengan kerjasama industri, agensi kerajaan dan juga media.



## SIDANG PENGARANG



KETUA EDITOR

**PROF. MADYA DR. AMER SIDDIQ AMER NORDIN**  
**PENGARAH UMCARES**



TIMBALAN KETUA EDITOR

**PROF. MADYA DR. NORAINI AHMAD**  
**TIMBALAN PENGARAH UMCARES**



EDITOR & PEREKA GRAFIK

**MUHAMMAD ASYRAF MANSOR**  
**PEGAWAI PENYELIDIK**



PENOLONG EDITOR

**NOR AZLIN MAT RADI**  
**PEGAWAI PENYELIDIK KANAN**



PENOLONG EDITOR

**DR. AZIZI ABU BAKAR**  
**PEGAWAI PENYELIDIK KANAN**

## KANDUNGAN

PERTANDINGAN DIY MADE SIMPLE 2022 • MS. 3

UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) • MS. 4

INTERNATIONAL SYMPOSIUM OF UMACE 2022 • MS. 5

FACULTY OF MEDICNE RESEARCH CARNIVAL • MS. 6

ASIAN STUDENT ENVIRONMENTAL PLATFORM 2022 • MS. 7

UNIVERSITI BANTU KOMUNITI KENALI SDG • MS. 8

KELAB UMCARES • MS. 9

PROGRAM KEMASYARAKATAN UM SATELIT • MS. 10

PEMINDAHAN ILMU MELALUI SOSIAL MEDIA • MS. 11

# PERTANDINGAN DIY MADE SIMPLE 2022

NOR AZLIN

Majlis penutup pertandingan "DIY Made Simple 2022" telah diadakan pada 1 Disember 2022 di Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (KPPI) UM. Dengan tema "Facing The New Normal: School Transformation" pada tahun ini, sebanyak 82 penyertaan dari semua sekolah menengah di Malaysia telah diterima. **Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, Pahang** telah memenangi tempat pertama diikuti **SMK Tunku Besar Burhanuddin, Negeri Sembilan** dan **SMK Darul Aman, Alor Setar, Kedah** di tempat ketiga.

Idea untuk menghasilkan sebuah kabinet alat pensterilan yang dikenali sebagai Ultraviolet Cabinet (UVCab) telah membawa tuah kepada Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, Pahang.



## MOA BERSAMA MR. D.I.Y

NOR AZLIN

Majlis ini lebih bermakna dengan sesi menandatangani perjanjian kerjasama (MoA) di antara UM dan MR D.I.Y. Group [M] Berhad. Ini merupakan perjanjian kali kedua untuk tempoh tiga tahun berikutnya (2023-2025).



**PENGERUSI KUMPULAN MR D.I.Y.  
DATO' AZLAM SHAH ALIAS BERKATA  
"KAMI AMAT BERBESAR HATI  
MENGUMUMKAN BAHAWA KAMI  
KOMITED UNTUK MENERUSKAN  
USAHA SAMA DENGAN UNIVERSITI  
MALAYA BAGI MENGANJURKAN  
PERTANDINGAN 'DIY MADE SIMPLE'  
SELAMA TIGA TAHUN LAGI, UNTUK  
EDISI 2023-2025."**

# UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S)

NOR AZLIN

Program "University for Society (U4S)" Zon Tengah Wilayah di PPR Gombak Setia ditutup dengan rasminya pada 7 Disember 2023. Penutupan adalah simbolik kepada penyelesaian aktiviti dan inisiatif yang dirancangkan oleh tiga universiti iaitu **Universiti Malaya (UM)**, **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)** dan **Universiti Teknologi MARA (UITM)**.

Kerjasama ini turut menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi dengan rakan industri utama program iaitu **Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd** dengan termeterainya tiga memorandum perjanjian di antara Pfizer bersama tiga universiti awam.



## BUKU U4S ZON TENGAH WILAYAH

NOR AZLIN

Program U4S Zon Tengah Wilayah telah membuktikan kerjasama empat hala di antara universiti, kerajaan, industri dan komuniti mampu dilaksanakan dengan jayanya atas komitmen semua pihak yang terlibat.

**KEJAYAAN PROGRAM U4S ZON TENGAH  
WILAYAHINI BERTAMBAH BERMAKNA  
APABILA PERSAHABATAN ANTARA KETIGA-TIGA BUAH UNIVERSITIINI BERSAMA PFIZER  
DAPAT MENERBITKAN BUKU "MEMPERKASA  
KOMUNITI SEJAHTERA".**

Ahli projek berharap buku ini menjadi aspirasi untuk rakan-rakan universiti dan industri di seluruh Malaysia dan luar negara untuk terus menjayakan program komuniti yang berimpak agar masyarakat Malaysia menjadi komuniti sejahtera yang progresif dan dinamik.

# INTERNATIONAL SYMPOSIUM OF UMACE 2022

DR. AZIZI

Simpodium Antarabangsa UM Academia - Community Engagement 2022 (UMACE 2022) diadakan secara hibrid (mod bersemuka dan dalam talian) pada **21 Disember 2022** di Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (KPPI) UM. Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat, Jabatan Pengajian Tinggi, **YBhg. Dato' Mohd Sharil Abdullah** telah hadir untuk memberikan ucapan dalam sesi pleno dan simposium ini telah dirasmikan oleh Dato' Naib Canselor Universiti Malaya; **YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abdul Shukor.**



## FROM QUADRUPLE TO PENTA

DR. AZIZI

Satu sesi forum telah diadakan pada petang hari dengan melibatkan panel daripada syarikat **Pfizer (M) Sdn. Bhd.** iaitu **Puan Shamie Zainal** selaku wakil dari industri dan **Encik Shamir Hameed** selaku wakil pengamal media daripada **ASTRO Awani**.

**FORUM BERTAJUK "FROM QUADRUPLE TO PENTA: EMERGENCE OF COMMUNITY ENGAGEMENT COLLABORATION"INI TURUT DISIARKAN SECARA LIVE STREAMING**

Simpodium diakhiri dengan pengumuman pemenang iaitu projek terbaik yang telah memberi pembentangan bagi setiap sesi sidang yang bertemakan pendidikan, ekonomi, kewangan, kebajikan sosial, ICT dan terbuka.



# FOM RESEARCH CARNIVAL

DR. AZIZI

Pusat Jalinan Masyarakat UM (UMCares) telah menyertai Karnival Penyelidikan Fakulti Perubatan (**Faculty of Medicine Research Carnival**) yang diadakan pada **11 - 14 Oktober 2022** di Fakulti Perubatan sebagai rakan penaja karnival. Penyertaan ini turut mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan oleh UMCares seperti penawaran geran-geran projek komuniti UM iaitu Geran Jalinan Masyarakat UM, Living Labs, Kelab Sahabat, Do-It-Yourself (DIY) dan penganjuran bengkel dan klinik Impak Penyelidikan iaitu **ResPACT** kepada pengunjung karnival yang terdiri daripada orang ramai pada reruai pameran yang diadakan di Centrepoint, Fakulti Perubatan.



The poster features the Universiti Malaya logo, the Research Carnival 2022 logo, and the title "SESSION 7: UMCARES COMMUNITY ENGAGEMENT". It includes images of a mushroom, a group of people, and a person at a computer. The date "13 OCTOBER 2022" and time "2:00PM" are prominently displayed. The location is "TJ DANARAJ AUDITORIUM, FACULTY OF MEDICINE". A table of speakers and topics is provided:

Time	Topic	Speaker
2.00 PM	Mushrooms: To eat or not to eat	Dr. Phan Chia Wei Department of Pharmaceutical Life Sciences, Faculty of Pharmacy, Universiti Malaya Assoc. Prof. Dr. Tan Yee Shin Institute of Biological Sciences, Faculty of Science, Universiti Malaya
3.00 PM	E-sports exergaming for youth	Dr. Maziah Mat Rosly Department of Physiology, Faculty of Medicine, Universiti Malaya Ms. Nur Nashruha Mohd Sidek Mr. Muhammad Naim bin Mohd Hanif

YouTube live stream link: <https://youtu.be/LsWN7MhrV2E>  
RESFOM.UM.EDU.MY/RESEARCH-CARNIVAL-2022

## CE SHARING SESSION

DR. AZIZI

Penyelidik projek komuniti dari Geran Jalinan Masyarakat UM juga turut terlibat dengan membuat demonstrasi penyelidikan pada 13 Oktober 2022 di Auditorium TJ Danaraj. **Dr. Phan Chia Wei** dari Fakulti Farmasi dan **Prof. Madya Dr. Tan Yee Shin** dari Fakulti Sains membentangkan topik bertajuk: **Mushrooms: To eat or not to eat** dan **Dr. Maziah Mat Rosly** bersama ahli penyelidik Nur Nashruha Mohd Sidek dan Muhammad Naim Mohd Hanif dari Fakulti Perubatan membuat demonstrasi dengan tajuk; **E-sports exergaming for youth**.

# ASIAN STUDENT ENVIRONMENTAL PLATFORM 2022

MUHAMMAD ASYRAF

Program ASEP ini telah bermula pada tahun 2012 lagi di mana Waseda University, Japan telah menjadi tuan rumah bagi tahun tersebut. Pada tahun ini, program ini telah dijalankan secara dalam talian dan Satoyama telah menjadi tema utama bagi program ini. Seramai **10 orang** wakil mahasiswa telah dipilih dari Universiti Malaya (UM) melalui Pusat Jalinan Komuniti (UMCares). Program ASEP ini bermula dari **2 hingga 4 Ogos 2022**. Sepanjang program ini, para peserta didedahkan dengan konsep **satoyama** dan impak satoyama kepada alam sekitar.



## PRE-ASEP DAN POST ASEP

MUHAMMAD ASYRAF

Pihak UMCares telah mengambil inisiatif tersendiri dengan mengadakan **Pre-ASEP** dan **Post ASE**P kepada mahasiswa UM dengan memperkenalkan konsep satoyama yang ada di Universiti Malaya. Dengan adanya inisiatif ini, mahasiswa UM dapat memahami konsep **satoyama** dengan lebih mendalam dan dapat mengadaptasikan konsep ini di tempat mereka.

**"DENGAN ADANYA PROGRAM ASEPINI,  
SAYA DAPAT MENGHAYATI DAN  
MENGHARGAI ALAM SEKITAR DENGAN  
LEBIH MENDALAM TERUTAMANYA DI  
MALAYSIA DAN SAYA BERHARAP AGAR  
KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA  
INI DAPAT TERUSKAN DAN DITAMBAHBAIK  
BAGI KESENANGAN BERSAMA PADA MASA  
AKAN DATANG." KATA SHARIFAH SALAH  
SEORANG PESERTA ASEP 2022.**

# UNIVERSITI BANTU KOMUNITI KENALI SDG

NOR AZLIN

Menyedari tentang pentingnya masyarakat umum untuk mengetahui tentang SDG, Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Lestari Alam Malaysia telah melaksanakan program bertajuk "**Komuniti Sejahtera, Celik SDG**" di PPR Sri Pantai pada **1 Oktober 2022**. Masyarakat perlu cakna tentang SDG dan Universiti Malaya sebagai institusi pendidikan yang terdekat di Lembah Pantai bertanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada masyarakat di sini. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah bual bicara santai berkenaan SDG melibatkan pakar UM dan organisasi luar.



Selain daripada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Universiti Malaya, program ini turut mendapat sambutan dari agensi luar seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (NCSM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan beberapa agensi lain.

**"SAYA GEMBIRA MELIHAT PENDUDUK PPR SRI PANTAI MENDAPAT PENDEDAHAN TENTANG SDG MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DISEDIAKAN OLEH PENYELIDIK UM. TANPA PENDEKATAN SEPERTI INI, SAYA TIDAK YAKIN ORANG AWAM AKAN TAHU TENTANG SDG." KATA ENCIK MOHAMMAD TALIB SELAKU PENGERUSI PERSATUAN PENDUDUK PPR SRI PANTAI.**

# PERASMIAN KELAB UMCARES

MUHAMMAD ASYRAF

Dengan bertunjangkan elemen pembangunan insaniah dalam diri pelajar terutamanya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti jalinan masyarakat, **Kelab UMCares** secara rasminya telah dilancarkan sempena Majlis UMCares Award pada **23 November 2022**. Antara aspek lain yang turut diimplementasikan dalam kelab ini adalah **kesukarelawanan, sukan dan rekreasi, kemahiran serta pengembaraan yang mencabar**. Tuntasnya, kesemua aspek ini diterapkan dari Anugerah Duke of Edinburgh atau Anugerah Remaja Rakan Muda iaitu anugerah terkemuka bagi golongan muda yang memfokuskan kepada pemupukan minat, penggilapan bakat dan penyerahan potensi diri belia yang berumur 15 hingga 25 tahun.



## UMCARES AWARD 2022

MUHAMMAD ASYRAF

Pada majlis yang sama juga, keputusan bagi anugerah UM Eco-Challenge Award dan UM Community Award turut diumumkan. Kolej Kediamaan Bestari yang diwakili oleh Bestari UMCares mengungguli pasukan-pasukan lain apabila berjaya dinobatkan sebagai juara bagi kedua-dua kategori anugerah ini.

**"DIHARAPKAN PADA SESI AKAN DATANG,  
KITA DAPAT SAKSIKAN LEBIH BANYAK  
PENYERTAAN DARIPADA KOLEJ-KOLEJ  
KEDIAMAN DI UNIVERSITI MALAYA DALAM  
SAMA-SAMA MEMBUDAYAKAN GAYA  
HIDUP YANG LEBIH LESTARI SEKALIGUS  
MENJADIKAN KOLEJ KEDIAMAN SEBAGAI  
SALAH SATU NADI PENGGERAK  
KELESTARIAN KAMPUS" IR DR.  
KHAIRUNNISA HASIKIN.**

# PROGRAM KEMASYARAKATAN UM SATELIT

MUHAMMAD ASYRAF

Program komuniti Universiti Malaya Satelit adalah program yang dibina atas pemindahan teknologi, maklumat, dan kemahiran kepada komuniti atau kawasan berhampiran yang bersebelahan dengan sumber Universiti Malaya. UMCares telah melawat semua kemudahan Universiti Malaya. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut tentang kejiranan bagi **mempromosikan aktiviti kemasyarakatan** yang akan diadakan di tapak Universiti Malaya. Perancangan program di aset Universiti Malaya akan berfasa, pada fasa pertama, UMCares akan memfokuskan kepada aset yang terdekat di Universiti Malaya iaitu **Inderaloka**.



## PROGRAM MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGS)

MUHAMMAD ASYRAF

Menyambut baik komitmen Malaysia dalam Matlamat Pembagunan Mampan, Persatuan Lestari Alam Malaysia, PEMADAM, Universiti Malaya bersama Kedutaan Besar Thailand di Kuala Lumpur telah menjayakan program Inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan UN SDG 2030 bersama warga PPR Sri Pantai. Program ini adalah salah satu inisiatif Universiti Malaya dalam pembangunan komuniti setempat di bawah inisiatif Universiti Malaya Nadi Lembah Pantai yang di terajui oleh Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares).

# PEMINDAHAN ILMU MELALUI SOSIAL MEDIA

MUHAMMAD ASYRAF

Program pemindahan ilmu melalui sosial media adalah salah satu inisiatif UMCares dalam membantu komuniti untuk mendapatkan ilmu yang berguna dalam kehidupan seharian mereka. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Sembang Pakar UM dan #PODCares.

Sembang Pakar UM adalah koleksi video dari pakar-pakar Universiti Malaya dalam memberikan panduan atau nasihat dalam kehidupan seharian mereka. Manakala PODCares pula adalah bual bicara mengenai isu-isu semasa bersama pakar dari Universiti Malaya.



## KOLABORASI BERSAMA PIHAK MEDIA

MUHAMMAD ASYRAF

Salam fakta adalah salah satu aktiviti bersama dengan pihak ASTRO melalui program Salam Muslim. Pakar-pakar dari Universiti Malaya telah dijemput untuk memberikan penjelasan mengenai persoalan-persoalan yang bermain di minda masyarakat Malaysia.

Seramai 5 orang pakar dari Akademi Pengajian Islam telah memberikan khidmat kepakaran dalam pembikinan video ini. Anda boleh saksikan video di sosial media UMCares yang tertera di bawah.





UNIVERSITI  
MALAYA

**PUSAT JALINAN MASYARAKAT  
UNIVERSITI MALAYA (UMCares)**  
*Universiti Malaya Community  
Engagement Centre (UMCares)*

Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)  
Aras 6, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi,  
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

Emel: [umcares@um.edu.my](mailto:umcares@um.edu.my)  
Tel: 03- 7967 7357 / 7358 / 7360  
Laman web: [myumcares.um.edu.my](http://myumcares.um.edu.my)

